

PANDUAN PERMOHONAN CUTI TANPA REKOD

JENIS-JENIS CUTI TANPA REKOD

- a. Cuti Gantian
- b. Cuti Latihan Pasukan Sukarela
- c. Cuti Menghadiri Latihan atau Khemah Kerja Tahunan Pertubuhan / Persatuan
- d. Cuti Menghadiri Latihan Syarikat Kerjasama
- e. Cuti Memasuki Peperiksaan
- f. Cuti Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas
- g. Cuti Mengambil Bahagian Dalam Olahraga/Sukan
- h. Cuti Tugas Khas Perubatan
- i. Cuti Isteri Bersalin
- j. Cuti Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat
- k. Mengikuti Kursus Intensif Di Bawah Program PJJ dan
- l. Cuti Tanpa Rekod Di Bawah Program PLKN

CUTI GANTIAN

1. Bagi menggantikan masa bertugas lebih masa atas kepentingan awam atau kepentingan perkhidmatan yang tidak berkelayakan dibayar elaun lebih masa atau bayaran khas. Contoh masa bertugas lebih masa;
 - Bertugas pada hari minggu dan kelepasan am
 - Bertugas lebih masa dari waktu yang ditetapkan (PA 17 BAB G 1974)
2. **Kadar kelayakan cuti gantian adalah 9 jam masa yang dipanggil bertugas bersamaan dengan 1 hari. (PA 40 BAB C 1974)**
3. **Hendaklah diambil pada bila-bila masa dalam tempoh 6 bulan dari tarikh tugas. Jika tidak diambil dalam tempoh berkenaan akan dianggap luput. (JPA 43/26 Klt. 2 (109) bertarikh 8/6/1995 surat kepada JPM)**

4. Kemukakan salinan 'workorder' yang disahkan bagi kerja-kerja yang dijalankan

CUTI LATIHAN PASUKAN SUKARELA

JENIS PASUKAN SUKARELA YANG DIBENARKAN;

- a. Askar Wataniah
- b. Simpanan Sukarela Tentera Laut Di Raja
- c. Simpanan Sukarela Tentera Udara Di Raja
- d. Simpanan Sukarela Polis
- e. Pertahanan Awam
- f. Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)

SYARAT

1. Hadir latihan atau khemah kerja tahunan sahaja
2. Sebarang cuti yang melebihi kelayakan hendaklah ditolak dari Cuti Rehat. Jika Cuti Rehat telah kehabisan, dapatkan kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (PA 41 BAB C 1974)

TEMPOH

3. Tidak melebihi 30 hari setahun untuk latihan/khemah kerja tahunan
4. Tambahan 2 hari lagi untuk perjalanan (pergi dan balik)

CUTI MENGHADIRI LATIHAN ATAU KHEMAH KERJA TAHUNAN

PERTUBUHAN/PERSATUAN YANG DIBENARKAN

1. Kadet Laut
2. Kadet Persekutuan
3. Pasukan Latihan Udara Persekutuan
4. Pengakap
5. Pandu Puteri

6. Briged Budak Lelaki
7. Briged Budak Perempuan
8. Ambulan St. John
9. PBSM
10. Persatuan Perancang Keluarga
11. PEMADAM
12. Persatuan Penyelamat Kelemasan Di Raja Cawangan Malaysia
13. Pertubuhan Orang-orang Buta
14. Institut Dakwah dan Latihan Islam JPM
15. Jabatan Perpaduan Negara, JPM
16. Persatuan Pengguna
17. Persatuan Mencegah Penyakit Tibi Malaysia
18. PUSPANITA
19. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)
20. Kadet Polis
21. Persatuan Keluarga Polis (PERKEP)
22. PERKIM
23. Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)
24. Majlis Keselamatan Negara, JPM
25. Biro Tata Negara, JPM

TEMPOH

1. Tidak lebih 14 hari
2. Tambahan 2 hari untuk perjalanan (pergi dan balik)

SYARAT

1. Sebarang cuti yang melebihi kelayakan hendaklah ditolak dari Cuti Rehat. Jika Cuti Rehat telah kehabisan, boleh diberi Cuti Tanpa Gaji.

MEMASUKI PEPERIKSAAN

1. Boleh diberi kepada staf yang memasuki peperiksaan yang dianggap oleh Ketua Jabatan sebagai boleh membaiki peluang hidup atau peningkatan kerjaya.(PA 44 BAB C)
2. Tempoh : Dihadkan kepada tarikh / hari peperiksaan sahaja

MENGHADIRI MESYUARAT KHAS PERSATUAN IKHTISAS

1. Boleh diluluskan kepada pegawai yang menghadiri **mesyuarat agung atau mesyuarat agung luar biasa** dalam persatuan ikhtisas di mana pegawai menjadi ahli.
2. **SENARAI PERTUBUHAN IKHTISAS (PA 45 BAB C 1974);**
 - a. The Malayan Association Of Certified Public Accountants
 - b. Federation Of Malaya Society Of Architects
 - c. Joint Group Of Institute Of Civil Engineers, the Institute Of Mechanical Engineers And Institution Of Electrical Engineers
 - d. Persatuan Biokimia Malaysia (The Malaysian Bio-Chemical Society)
 - e. The Malayan Dental Association
 - f. The Institution Of Engineers Federation Of Malaya
 - g. Persatuan Jurutera Galian Malaysia
 - h. Persatuan Juru Xray Malaysia
 - i. Persatuan Kesihatan Malaysia (Malaysian Society Of Health)
 - j. Institut Kimia Malaysia
 - k. Malayan Medical Association
 - l. The Alumni Association Of The King Edward VII College Of Medicine
 - m. The Association Of Medical Social Workers Malaysia
 - n. Malayan Section Of The Institute Of Mining And Metallurgy

- o. The Malayan Trained Nurses Association
- p. The Obstetrical And Gynecological Society Of Malaya
- q. Persatuan Pakar Bius Malaysia
- r. Persatuan Pakar Otopedik Malaysia
- s. Malaysia Society Of Pathologists
- t. Pertubuhan Perancang Malaysia

MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM OLAHRAGA / SUKAN

1. Boleh diberi kepada staf yang telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam sebarang perlawanan atau sukan

SYARAT

1. Perlawanan di peringkat negeri atau antarabangsa
2. Anjuran dari kerajaan layak. Tidak layak jika anjuran dari swasta.
3. Diberi atas budibicara Ketua Jabatan dan tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan
4. Boleh diberi juga kepada pegawai yang menjadi ahli mana-mana Majlis atau Jawatankuasa Pertandingan Negeri atau antarabangsa untuk menghadiri mesyuarat majlis/jawatankuasa yang diadakan sebelum atau selepas sesuatu pertandingan [PA 46(b) Bab C 1974]
5. TEMPOH : Terhad kepada masa yang betul-betul diperlukan tetapi tidak melebihi 30 hari setahun

CUTI TUGAS KHAS PERUBATAN

1. Boleh diberi kepada pegawai yang menjalankan tugas x-ray sepenuh masa dan terdedah kepada pancaran x-ray
2. Bertugas di pusat-pusat perubatan tertentu di mana jenis tugas yang dijalankan merbahaya. [PA 47 Bab C 1974]
3. TEMPOH : 14 hari setahun. Tidak boleh 'carry forward'. Sekiranya tidak diambil dalam tahun yang diperolehi, cuti ini akan luput.

CUTI ISTERI BERSALIN

1. Diberi kepada pegawai lelaki kerana isteri bersalin.
2. Kemudahan ini dibenarkan sebanyak **5 kali sahaja dalam tempoh perkhidmatan** . (Perenggan 58.2 PP 9/1991)
3. TEMPOH : 7 Hari sahaja (PP 9/2002)
4. **Salinan perakuan bersalin hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan.**

CUTI URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT

1. Diberi kepada pegawai untuk menziarahi dan membantu urusan berkaitan kematian ahli keluarga terdekat.
2. **AHLI KELUARGA TERDEKAT : Suami/isteri, anak, ibu, dan bapa kandung sahaja.**
3. TEMPOH : 3 hari sahaja. (PP 10/2002)
4. **Salinan pengesahan kematian hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan.**

MENGIKUTI KURSUS INTENSIF DI BAWAH PROGRAM PJJ

1. Boleh dipertimbangkan kepada pegawai untuk menghadiri kursus intensif sepenuh masa yang disyaratkan di bawah program pendidikan jarak jauh (PJJ)
2. SYARAT : Telah mendapat kelulusan Ketua Jabatan terlebih dahulu untuk mengikuti program pengajian di peringkat Diploma, Ijazah Pertama/Lanjutan di

mana-mana IPT dan belum mempunyai kelayakan di peringkat pengajian yang berkenaan

3. TEMPOH : Tempoh sebenar kursus intensif tetapi tidak melebihi 30 hari (maksima) dalam setahun.
4. Jika lebih 30 hari, gunakan cuti rehat yang berkecukupan. **Jika kehabisan cuti rehat, gunakan cuti tanpa gaji.**

MENGIKUTI PROGRAM PLKN

1. Diberi kepada pegawai yang **mengikuti kursus jurulatih PLKN** dan menjalankan tugas –tugas jurulatih PLKN (PP 1/2004)
2. TEMPOH : Masa sebenar dan tambahan 2 hari bagi perjalanan(pergi dan balik)

SELEPAS TAMAT CUTI BELAJAR

1. Pegawai boleh memohon kepada Ketua Jabatan (melalui Ketua Unit/Pusat/ Dekan kepada Pendaftar) cuti tanpa rekod **tidak melebihi 7 hari selepas tamat kursus/latihan/pengajian**
2. SYARAT : Tempoh Kursus/Latihan/Pengajian pegawai adalah lebih 12 bulan (PA 38 BAB C 1974)

DISEDIAKAN OLEH :

**UNIT PERKHIDMATAN
PEJABAT PENDAFTAR**

**Sbi/c/service/panduan permohonan ctr
05/08/2006**